



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA IKRAR PENJAWAT AWAM

1. Susulan pengumuman YAB Perdana Menteri pada hari ini berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan akan dilanjutkan sehingga 14 April 2020, seluruh rakyat khususnya Penjawat Awam diminta mematuhi peraturan bagi memastikan rantai penularan wabak COVID-19 di negara ini dapat dihentikan.
2. Sehubungan dengan itu, Surat Edaran JPA rujukan JPA.SARAAN(S) 256/6/31 Jld.6(2) bertarikh 17 Mac 2020 mengenai Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan berserta soalan lazimnya adalah terpakai bagi tempoh lanjutan PKP ini seperti mana pengumuman YAB Perdana Menteri sebentar tadi.
3. Selari dengan itu juga, sebahagian Penjawat Awam telah diarahkan supaya Bekerja Dari Rumah (BDR) berikutan arahan penutupan premis Kerajaan. Manakala, sebahagian lagi Penjawat Awam telah diarahkan bertugas seperti biasa mengikut keperluan keadaan semasa. Antara sektor Perkhidmatan Awam yang terlibat dalam perkhidmatan penting (*essential services*) adalah sektor kesihatan, keselamatan, makanan, logistik, utiliti, dan sebagainya. Mereka kini bersama berganding bahu, berkhidmat sepenuh jiwa dan raga untuk mengawal serta membanteras penularan wabak COVID-19 dan dalam masa yang sama turut memastikan keperluan asas rakyat tidak terjejas. Kejayaan PKP banyak bergantung kepada sikap kita sendiri dengan kerjasama semua pihak dan seluruh rakyat Malaysia.

4. Sepertimana ikrar dan sumpah setia kita sebagai Penjawat Awam, semangat dan jiwa kita berbeza dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Kita sentiasa dilatih dan dididik untuk utamakan negara, jauh melebihi kepentingan diri. Kita dilantik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Negara dan rakyat. Cabaran yang dihadapi ketika ini, jelas menggambarkan khidmat bakti yang ditumpahkan semata-mata untuk Negara dan rakyat. Tidak kira apa pun yang berlaku, walaupun terpaksa berjauhan daripada keluarga dan berhadapan dengan ancaman wabak, namun demi tugas tetap dipastikan ia dilaksana dengan bersungguh-sungguh. Sama ada kita disanjung atau sebaliknya, ia bukanlah perkara utama dalam memastikan tanggungjawab kepada Negara dan rakyat dapat dilunaskan dengan sebaik mungkin. Kitalah harapan rakyat dengan memberikan perkhidmatan tanpa mengenal latar belakang agama, bangsa dan sebagainya. Lirik lagu Perkhidmatan Awam jelas menggambarkan naluri dan jati diri kita sebagai Penjawat Awam.

“Kita memegang amanah bangsa,
Kita juga telah berikrar,
Taat setia, korban tenaga,
Bela bangsa dan negara..”

5. Marilah kita bersama-sama bersatu hati dan berganding bahu serta berpegang teguh dengan ikrar supaya terus Berkhidmat Untuk Negara dalam keadaan negara amat memerlukan pengorbanan kita. Pengorbanan dan susah payah kita hari ini adalah untuk masa depan Malaysia dan anak-anak kita yang lebih cemerlang dan sejahtera. Penentuannya kini disandarkan di bahu kita. Kitalah Benteng Malaysia!

6. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Penjawat Awam khususnya kepada mereka yang sedang berjuang di barisan hadapan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menangani wabak COVID-19 pada ketika ini. Saya menyeru agar Penjawat Awam menjadi contoh yang baik buat masyarakat dengan mematuhi arahan PKP yang sedang dilaksanakan pada ketika ini. Pada masa yang sama, kita

juga boleh memainkan peranan yang berkesan kepada ahli keluarga dan anggota masyarakat dengan menasihatkan mereka supaya mematuhi arahan duduk di rumah.

7. Selain itu, saya ingin mengingatkan agar Penjawat Awam tidak terlibat dalam menyebarkan berita-berita yang tidak sahih dan boleh menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat. Sebagai Penjawat Awam kita wajar menyampaikan maklumat yang betul dari sumber-sumber yang sahih dan tepat. Pada masa ini, setiap Kementerian telah mewujudkan talian *hotline* bagi memudahkan rakyat mendapat maklumat secara terus daripada Kementerian masing-masing.
8. Saya mendoakan agar semua rakyat Malaysia khususnya Penjawat Awam dan keluarga mereka sentiasa terpelihara dari aspek keselamatan, kesihatan dan kekal bersemangat demi **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA!**
9. **Buat semua warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Polis Ke-213**

#dudukrumah
#stayhome
#PerintahKawalanPergerakan

Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
25 Mac 2020

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 25 Mac 2020
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (83)